

# Patani Mingguan

HIMPUNAN BERITA DAN ARTIKLE MINGGUAN PATANI

KELUARAN MADRASAH KEWARTAWANAN SEMPADAN SELATAN (DSJ) # DEEP SOUTH WATCH (DSW)

NEWSLETTER



## Nasib penduduk di Kampung Bagek, Narathiwat Setelah dipukul ombak

penterjemah: Sanawi Siti

pautan: <http://www.deepsouthwatch.org/dsj/6617>

Pada 22 December 2014, di kampung Bagek, Daerah Meung, Wilayah Narathiwat. Ombak besar melanda memusnahkan 22 buah rumah dan kira-kira 142 orang penduduk kampung ini mengalami kesusahan.

Asae Doloh, mangsa yang ditimpa bencana tersebut berkata, Pada jam 6.30 petang ombak besar melanda ke sisiran pantai dengan kuat, setelah itu pihak berkuasa mengumumkan kepada penduduk perempuan, orang tua dan kanak-kanak supaya berkumpul di masjid. Bagi menyelamatkan barang itu diarahkan kepada pemuda, askar dan pegawai.

Apabila jam 12.00 malam air mula surut, beliau kembali ke rumah saat melihat keadaan kawasan perumahan merasa terkejut serta menangis kerana semuanya rosak hanya rangka yang berkesan.

“Saya tidak boleh tinggal di sini lagi, saya rasa takut”.

Mae Doloh seorang janda yang berusia 51 tahun, lagi pula menjaga 11 orang anggota cucu dan anaknya, beliau berkata sambil mengalir air mata, Kini merasa terkejut dan takut diatas bencana tersebut, tetapi yang dapat melakukan ialah menangis dan mengingati kepada Pencipta mesti sabarlah Allah akan tolongan.

“Kali ini ombak itu terlalu besar dan cepat sehingga dikejutkan orang ramai”

Beliau berkata lagi setelah seminggu bertempat di masjid ini kerana masih takut lagi untuk kembali ke rumah masing-masing dan mungkin ini tak akan kembali lagi disana. Harap kerajaan memaberi bantuan tempat berteduh yang kukuh dan kekal kepada kami dan jauh dari kawasan lautani ini.

Cik-arih Doloh sebagai imam masjid Baget berkata, tempat berteduh yang kukuh dan kekal itu sudah dikemukakan kepada gabenor Wilayah Narathiwat tetapi bagai mana cara menjalankan itu, belum dijelaskan.

Beliau berkata lagi pegawai kerajaan di Daerah Meung, Wilayah Narathiwat telah meninjau kerosakan dari penduduk kampung. Itu adalah harapan yang penting kerana pendapatan harian itu sekadar membelanja untuk keluarga.

Beliau berkata pula yang menggagumkan dalam kesusahan ini ialah keharmonian dan perpaduan bagi penduduk di kampung ini.

**Patani Mingguan**

**Editor's Talk**



Selamat tahun baru

Nasib mangsa banjir di Patani dan juga jiran kami di Malaysia utamanya negeri Kelantan makin hari makin banyak pertulungan yang muncul dari badan2 rakyat maupun dari Patani dan mana2 pihak yang sedar untuk tulung menulung dan prekemaknusiaan, ini adalah gambaran yang kami tunggu.

Patani Mingguan sebagai risalah berita yang cuba menyebarkan berita hal di Patani ke dunia melayu utamanya, yang sebelum ini hanya permulaan, tapi kami akan jalan dengan penuh proses yang di sediakan di tahun baru ini.

Satu impian tinggi adalah newsletter yang kecil ini dapat menumbuhkan hubungan antara media massa berbahasa melayu antara Patani dan dunia melayu serumpun menyebar serba informasi sesama kami, utama nya serba benda, issue, berita khabaran yang berharga, pengalaman dan pengalaman yang dapat bantu membantukan.

Kami berharap perusahaan sekecil ini dapat sambutan dengan baik dan membantu impian kami di tahun baru ini.

yang benar

Saronee Duereh  
Editor

## Latihan Membangun Pembaca Khutbah Generasi Muda

penterjemah: Kasmining Baka

pautan: <http://www.deepsouthwatch.org/dsj/6577>

Pejabat Pengajian Swasta Daerah Nongchik Wilayah Pattani, telah mengadakan projek khatib generasi muda untuk membangunkan pembaca khutbah generasi baru yang berke-mampuan untuk mengintegrasikan Islam dengan kemodenan dan untuk menambahkan pembaca khutbah dalam komuniti, peserta projek adalah pelajar dari sekolah-sekolah Agama Islam di Daerah Nongchik, yang menyertai sebanyak 40 orang. Isi khutbah akan dicetakkan menjadi sebuah buku dan akan disebarluaskan.

Encik Sanusi Bencaman , Pengarah pejabat ini berkata, projek ini adalah latihan bagi pelajar dapat draf isi khutbah dan membaca khutbah. Matlamatnya untuk membangunkan pembaca khutbah generasi baru atau untuk menambahkan pembaca khutbah dalam kawasan Daerah Nongchik, yang paling penting adalah untuk menjadi pembaca khutbah yang dapat mengintegrasikan Islam dengan kemodenan. Projek ini menggunakan masa lebih kurang 2 bulan.

"Projek ini telah diadakan pada tahun yang lepas. Pelajar yang menyertai latihan ini sebanyak 25 orang, tetapi yang lulus hanya 18 orang. Mereka telah membaca khutbah dalam kampung mereka dan terdapat bahawa orang kampung telah menyukai dan mahu projek ini diteruskan. Oleh itu, Pejabat Pengajian Swasta Daerah Nongchik telah mengadakan projek ini sekali lagi." Kata Sanusi.

## Ketua tentera angkatan darat turun menyiasat kerja

penterjemah: Muhammad Sasu

pautan: <http://www.deepsouthwatch.org/dsj/6570>

Pada 20 hb. Disember 2014 jam 10.30 pagi. Pehak kerajaan Thai mesyuarat dengan pegawai yang bertugas untuk memberi polisi gerak dalam kawasan.

General Udomdec comamder army 4 berkata pertemuan kali ini untuk ikuti perkembangan penyelesaian kekerasan di selatan Thai. projek-projek yang sudah dibuat seperti projek penyelesaian masalah lubuk pattani, projek pembinaan jalan raya di wilayah sempadan selatan yang dapat modal untuk binanya sebanyak 37 jalan raya. Projek binaaan tersebut ada gunakan getah untuk buatnya. Sekarang masih dalam lanjutan terheti sebab udara buruk, walau bagai mana pun pehak berkenaan akan menyudahkan secepat mungkin.

Tenggang perkembangan perundingan damai Gen. Udomdec berkata sekarang Gen. Aksra Kedphon ketua rumbungan perundingan damai sedang meneruskan dan sekarang sedang menyatukan fahaman di antara fasilitator yang akan menghubungi dengan dua-dua pehak. Di wilayah sempadan pun sedang usaha mencipta suasana untuk berkeyakinan satu sama lain yang menjadi setrategi penting untuk capai kejayaan.

Kemudia jam dua petang Gen. Udomdec dan rumungannya mengziarahi Dewan Ulama Fathoni Darussalam Mulinithi mukim Barahom daerah Muang wilayah Pattani untuk melawat projek Rakyak Pattani menuju kedamaian, seramai 1600 orang penduduk datang menerima kedadangannya.

## Hari Melawat Di Penjara Narathiwat

penterjemah: Hanan Wangji

pautan: <http://www.deepsouthwatch.org/dsj/6576>



Pada 22-26 Desember 2014 di penjara Narathiwat, Daerah Muang, Wilayah Narathiwat mengadakan acara untuk melawat saudara-mara di penjara, akan memberi peluang kepada banduan yang berkelakuan baik dalam peraturan, dapat bertemu dengan ahli keluarga.

Pada hari ini Suraporn Prommun seorang balif sebagai ketua dan pegawai kerajaan serta menggalakkan banduan menemui ahli keluarga dan saudara-mara. Sebanyak 4,750 orang yang melawat kali ini, Suasana lawatan ini adalah sesorang banduan dalam kemesraan. Penuh dengan senyuman dan kegembiraan keluarga yang diberikan kepada banduan. Acara untuk melawat saudara-mara di penjara akan mengadakan kali yang kedua untuk menjalin perhubungan dalam keluarga, bagi semangat kepada para banduan yang berkelakuan baik dan menjadi contoh yang baik kepada para banduan lain.

## LDI menjalankan projek menggalakkan pengetahuan asal dan keamanan

penterjemah: Nurhuda Daud

pautan: <http://www.deepsouthwatch.org/dsj/6566>

Pusat pembangunan kampung (LDI) bersama pihak kerajaan menjalankan projek persokongan untuk membangunkan keamanan di tiga wilayah selatan Thailand bahagian kedua dan bahagian tambahan sehingga tahun 2016.

Pekerjaan ini adalah pekerjaan yang berhubungan antara pihak LDI yang di bantu oleh World bank, pihak kementerian kawangan, dan pihak LDI. Pekerjaan projek ini bermula dari tahun 2009 sehingga tahun 2012. Semua pihak berbangga dalam kejayaan menjalankan projek ini. Lebih-lebih lagi, pihak World bank yang memberikan persokongan seterusnya sehingga tahun 2016 dalam projek pembangunan kepada 6 mukim berjumlah 43 kampung sebagai pilot projek di tiga wilayah selatan Thailand.

Doctor Poldesy berkata bahawa hasil yang dapat dari projek ini ialah ilmu pengetahuan yang bermanfaat untuk membangunkan keamanan di selatan Thailand.

Selama tiga tahun yang lalu, projek ini telah berjaya untuk membuat hubungan yang lebih rapat antara satu sama lain seperti mengadakan kumpulan simpanan. Dan projek ini pula memberikan kemudahan kepada penduduk di selatan Thailand, keberanian, kemahiran, dan pengalaman di antara penduduk-penduduk yang menghasilkan keamanan di selatan Thailand.